

Headline	DOSM perinci Banci Pertanian 2024		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	18 Dec 2023	Color	Black/white
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	19	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	258 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,535
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 4,606



DOSM perinci Banci Pertanian 2024

TANJUNG MALIM: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah mengadakan sesi libat urus bersama hampir semua negeri bagi memperincikan pelaksanaan Bancian Pertanian 2024 yang dijangka bermula Julai tahun hadapan.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, bancian itu secara dasarnya melibatkan kerajaan negeri, agensi berwajib dan pelbagai pihak berkepentingan.

"Bancian berskala besar ini akan meliputi bancian ke atas isi rumah dan pertubuhan perniagaan yang terlibat dalam aktiviti pertanian iaitu tanaman makanan dan komoditi, ternakan, perikanan dan akuakultur serta pembala-

kan dan perhutanan.

"Maklumat utama yang akan dihasilkan daripada bancian ini adalah demografi pegangan pertanian, keluasan tanah, sistem pengairan, pekerja, agropelancongan, kemudahan pembiayaan, pendapatan serta perbelanjaan aset dan sebagainya," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Program Penghijauan Malaysia Sempena Banci Pertanian 2024 di Dewan Sigma Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM) di sini, semalam.

Dr. Mohd Uzir berkata, bancian itu juga menyeluruh selain memfokuskan kepada isu ketidakseimbangan perolehan peruntukan dengan penge-

luaran hasil oleh seseorang pemain industri dalam bidang pertanian.

"Sebagai contoh, berdasarkan dapatan kita ada (pemain industri) yang menerima bantuan daripada 10 agensi berbeza dalam bidang yang diceburi.

"Kita tidak menghalang perkara itu berlaku namun penghasilannya perlu selari dengan apa yang diperuntukkan," katanya.

Terdahulu, Dr Mohd Uzir bersama Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) Dr. Ismail Parlan serta lebih 300 peserta menanam 350 anak pokok di kawasan seluas 1.7 ekar berhampiran Dewan Sigma ILSM.

Antara pokok ditanam ialah jambu, cermai, beruas, sentul, jering, pelung, gajus, kapur, kantan, palau senkawan air, meranti tembaga dan meranti seraya.

Mengulas program semalam katanya, ia dianjurkan dengan kerjasama FRIM dan bertujuan menyokong komitmen kerajaan terhadap kelestarian serta meningkatkan kesedaran mengenai kawasan hijau sebagai khazanah negara.

"Saya amat berbesar hati (terlibat) dalam usaha ini sebagai salah satu tanggungjawab sosial DOSM dalam memupuk rasa pemilikan dan tanggungjawab bersama program penghijauan Malaysia melalui Kempen Penanaman 100 Juta Pokok dilancarkan pada tahun 2021," katanya. - Bernama



DATUK Seri Dr Mohd Uzir Mahidin menanam anak pokok Beruas pada Program Penghijauan Malaysia sempena Banci Pertanian 2024 di ISLIM Sungkai, semalam.
• Foto BERNAMA